

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Projek Penyelidikan ini yang disediakan  
oleh

**NUR AIMI SYAZWANI BT ABDUL HAMID**

Bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK HIASAN DALAMAN RUMAH KELAB MINI UNTUK  
SAPURA AUTO SDN. BHD. DI LOT 131, SEKSYEN 86A, JALAN TUN RAZAK,  
KUALA LUMPUR**

Diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : \_\_\_\_\_

Encik Othman b. Hassan

Koordinator Kursus : \_\_\_\_\_

Pn. Azizah Binti Md Ajis

Koordinator Program : \_\_\_\_\_

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Projek merekabentuk dalam rumah kelab MINI bagi Sapura Auto Sdn Bhd ini terletak di Lot 131, Seksyen 86A , Jalan Tun Razak , Kuala Lumpur. Projek ini dicadangkan oleh Sapura Auto berdasarkan isu- isu yang sedia ada antaranya ialah pertambahan bilangan ahli kelab dan juga ketiadaan tempat yang khusus untuk menampung bilangan ahli semasa mengadakan pertemuan mingguan. Kumpulan sasaran bagi projek ini adalah untuk ahli kelab yang telah berdaftar dan juga kepada pengunjung umum yang berminat dengan MINI. Antara objektif projek ini dijalankan adalah untuk memastikan ruang yang ada bersesuaian dengan imej MINI disamping member keselesaan kepada pengunjung dan ahli kelab. Selain itu projek ini diharapkan dapat menyediakan serta menampung bilangan ahli kelab pada pertemuan mingguan yang dijalankan. Rumah kelab ini mewakili sebuah jenama kereta yang terkenal iaitu MINI, oleh itu konsep serta imej yang ditonjolkan perlulah bersesuaian dan seiringan dengan imej yang sedia ada. Konsep dan imej yang ingin diterapkan bersesuaian dengan imej sedia ada adalah '*modern funky*'. Berdasarkan kehendak dan permintaan klien, lokasi tapak di Jalan Tun Razak telah dipilih sebagai lokasi yang bersesuaian dengan projek disamping kelebihan tapak yang mempunyai bilangan tempat letak kereta yang banyak untuk kemudahan ahli kelab. Beberapa kajian kes dijalankan untuk lebih memahami projek disamping mengenalpasti kelebihan serta kebaikan kajian kes yang dijalankan agar dapat digunakan dalam proses merekabentuk. Antara kajian kes yang dijalankan adalah di Kelab Harley-Davidson dan juga Cobra Clubhouse. Selain daripada kajian kes didalam negara terdapat juga kajian kes dari luar negara yang dijadikan rujukan antaranya ialah Bluebell Mini, Amerika Syarikat dan juga Mini Habitat, Singapura. Terdapat pelbagai bentuk kajian lain yang telah dijalankan sepanjang projek untuk mendapatkan maklumat dan rujukan bagi projek yang dijalankan. Antaranya ialah melalui temuramah, media cetak, internet,dan juga pemerhatian.

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t.

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan tugasan saya ini dengan cemerlang dan jayanya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat para pensyarah yang terlibat dalam tugasan ini terutamanya penyelia laporan, Encik Othman Hassan dan koordinator subjek THE 386, Puan Azizah Md Ajis di atas tunjuk ajar dan bimbingan mereka . Tidak lupa juga buat semua pensyarah subjek IND 381, Encik Khedzir Khamis, Encik Othman Hassan dan Cik Nadya Shaharum diatas segala nasihat, tunjuk ajar serta bimbingan yang mereka berikan sepanjang tempoh saya bertungkus-lumus menyiapkan projek akhir ini dan segala kritikan yang diberikan, teguran membina telah membantu menggalakkan lagi usaha saya untuk memperbaiki kelemahan diri. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan buat ibu bapa saya yang menjadi tulang belakang menyokong serta tidak jemu memberi dorongan kepada saya untuk terus berusaha menghabiskan semester akhir ini disamping doa serta restu mereka yang tidak putus-putus. Galakan serta pertolongan yang mereka berikan amat saya hargai. Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seangkatan dengan saya yang juga mengambil Diploma Senibina Dalaman yang telah mengharungi susah senang bersama dan saling member semangat dalam menyiapkan tugasan projek semester akhir ini. Tanpa bantuan serta sokongan daripada semua pihak yang dinyatakan tadi, maka tidak akan terhasilah laporan teknikal ini. Sekali lagi, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan buat mereka.

**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

|                             |            |
|-----------------------------|------------|
| <b>ABSTRAK</b>              | <b>i</b>   |
| <b>PENGHARGAAN</b>          | <b>ii</b>  |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>        | <b>iii</b> |
| <b>SENARAI RAJAH</b>        | <b>x</b>   |
| <b>SENARAI FOTO</b>         | <b>xii</b> |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>     | <b>xiv</b> |
| <b>SENARAI SINGKAT KATA</b> | <b>xv</b>  |
| <br>                        |            |
| <b>BAB 1.0 PENGENALAN</b>   | <b>1</b>   |
| 1.1 PENGENALAN              | 2          |
| 1.2 MATLAMAT KAJIAN         | 3          |
| 1.3 OBJEKTIF KAJIAN         | 4          |
| 1.4 METADALOGI KAJIAN       | 5          |
| 1.5 ISU                     | 10         |
| 1.6 SKOP KAJIAN             | 11         |
| 1.7 HALANGAN KAJIAN         | 12         |

## **1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN PROJEK**

Cadangan Sapura Auto Sdn Bhd mereka bentuk sebuah rumah kelab untuk Mini Owner Club Malaysia (MOCM) lahir setelah melihat perkembangan kelab itu yang semakin berkembang dari segi bilangan ahli serta keaktifan kelab terbabit dalam menjalankan aktiviti untuk semua ahli yang telah berdaftar. Sapura Auto Sdn Bhd berhasrat hubungan antara syarikat mereka serta pemilik kereta Mini Cooper dapat dipereratkan dengan adanya sebuah rumah kelab untuk kemudahan semua ahli kelab. Kelab ini telah lama ditubuhkan namun masih tidak mempunyai sebuah tempat khusus untuk menjalankan mesyuarat serta perjumpaan yang diadakan hampir setiap minggu. Ini adalah antara punca Sapura Auto Sdn Bhd ingin menyediakan sebuah tempat khusus untuk kelab tersebut.

Rumah kelab ini disediakan oleh Sapura Auto Sdn Bhd untuk kemudahan ahli kelab MOCM. Namun yang demikian, rumah kelab ini juga dibuka untuk kunjungan orang ramai yang bukan ahli namun berminat untuk mengunjungi rumah kelab tersebut. Antara perkhidmatan yang disediakan dirumah kelab ini ialah sebuah kafe yang boleh dijadikan tempat mengadakan pertemuan mingguan sesama ahli kelab dan juga untuk orang ramai. Selain itu terdapat juga sebuah ruang pameran menempatkan model- model kereta Mini Cooper yang berada dipasaran Malaysia. Sebuah butik menjual barang MINI juga turut disediakan untuk orang awam yang berminat dengan produk- produk yang dikeluarkan oleh MINI seperti pakaian, aksesori kereta, miniatur model kereta Mini Cooper dan lain- lain produk yang dikeluarkan oleh MINI.